

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

TARIKH : 4.11.2014

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat sesuatu rangka kerja di antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia yang dapat memastikan penawaran bidang yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS selaras dengan permintaan majikan di kedua-dua sektor swasta dan bukan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada rangka kerja yang spesifik dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Walau bagaimanapun, pada ketika ini KPM dan *Institute of Labour Market Information and Analysis* (ILMIA) dibawah KSM bekerjasama erat bagi menyediakan data keperluan *Supply and Demand* melalui beberapa kajian di antaranya adalah *Study on Supply and Demand for Professional Occupation in Meeting the need of a High Income Economy in 2020*, *Human Capital Requirement for the Greater KL and Klang Valley* dan *Human Capital Requirement in East Corridor Economic Region*. Hasil dapatan daripada kajian-kajian yang dilaksanakan oleh ILMIA akan digunakan oleh KPM bagi memastikan

institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta menawarkan program yang mencukupi bagi menambah nilai graduan yang akan dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi.

RJM88

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (Selasa)

SOALAN

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan penambahbaikan perkhidmatan KTMB yang semakin merudum prestasi pengurusannya menyebabkan masalah seperti landasan Gua Musang - Temerloh diarahkan tutup. Apakah SPAD telah mengambil dasar untuk memberi keutamaan kepada bentuk pengangkutan awam lain seperti bas, kapal terbang dan kereta api laju, lantas tidak lagi melaburkan modal dalam perkhidmatan KTMB.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada dasar yang diputuskan oleh Kerajaan untuk tidak lagi melaburkan modal dalam perkhidmatan KTMB yang merupakan syarikat pengendali perkhidmatan keretapi yang mempunyai rangkaian terbesar di Malaysia. Rangkaian ini merupakan tulang belakang sistem pengangkutan terutama di sektor Pantai Timur.

penutupan separa yang mengurangkan jumlah operasi di laluan ini. Penutupan separa ini membolehkan tren beroperasi seperti biasa pada waktu malam manakala pada waktu siang, kerja-kerja penyelenggaraan berskala besar dan kerja-kerja menaik taraf di laluan ini dapat dilaksanakan

2. Bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan pada skala besar di sektor Pantai Timur, landasan di sektor tersebut telah beroperasi secara separa. Ia membolehkan tren beroperasi seperti biasa pada waktu malam manakala pada waktu siang, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di laluan ini dapat dilaksanakan. Namun, perkara ini tidak dijadikan asas untuk terus meminggirkan pelaburan terhadap KTMB.

3. KTMB memainkan peranan yang amat penting di Pantai Timur yang mana ia menjadi mod pengangkutan utama bagi pelajar sekolah, penduduk kampung serta peraih-peraih tempatan untuk membawa

hasil tani mereka ke bandar. Selain daripada itu, terdapat juga permintaan yang tinggi daripada pelancong-pelancong asing yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi yang sememangnya banyak terdapat di sektor Pantai Timur. Oleh yang demikian, usaha yang gigih untuk membangunkan KTMB harus diteruskan.

4. KTMB dengan kerjasama PEMANDU telah pun selesai melaksanakan sesi pemukiman Pelan Transformasi KTMB pada 14 Mei 2014 hingga 8 Julai 2014 yang lalu. Sesi pemukiman ini telah menyenaraikan beberapa inisiatif yang berupaya untuk memacu KTMB meningkatkan prestasi syarikat tersebut. Inisiatif ini yang sedang dalam perlaksanaan dan perlaksanaanya dipantau rapi oleh PEMANDU.

Sekian, terima kasih.